



**PENGAKUAN YANG DITANDATANGANI APABILA MENINGGALKAN
PERKHIDMATAN KERAJAAN**

1. Perhatian saya telah diarahkan kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi, dan saya memahami dengan sepenuhnya implikasinya. Khususnya saya memahami bahawa adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Bab 5 dari Akta itu yang boleh dihukum penjara tidak melebihi dua tahun dan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit untuk menyampaikan bahan rasmi kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan.
2. Semua maklumat yang terkumpul kepada saya atau yang saya mempunyai akses kepadanya semasa menjalankan kewajipan-kewajipan saya adalah dilindungi oleh Bab 5 dari Akta itu. Penyampaian tanpa kebenaran sebarang maklumat itu oleh saya kepada mana-mana orang lain, sama ada orang itu memegang atau telah memegang jawatan di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau tidak sebelum atau setelah saya berhenti memegang jawatan itu, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Bab 5.
3. Sebarang rujukan tanpa kebenaran oleh saya, sama ada rujukan itu berbentuk lisan atau terkandung dalam sebarang gambar foto, lukisan, pelan, model, makalah, nota, dokumen, buku, lakonan, filem, dll. dan sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri, kepada apa-apa perkara yang saya telah mengetahuinya dalam jawatan rasmi saya, boleh menyebabkan saya didakwa di bawah Akta tersebut.
4. Saya mengaku bahawa saya tidak lagi memiliki atau ada dalam kawalan saya sebarang kata kod, kata pengenal, kata laluan, gambar foto, lukisan, pelan, model, makalah, nota atau dokumen yang rasmi yang saya perolehi semasa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, atau apa-apa acuan, anak kunci, rencana, peranti, meterai atau cap bagi atau kepunyaan atau yang digunakan, dibuat atau diadakan oleh mana-mana Kementerian atau Jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomatik yang dilantik oleh atau bertindak di bawah kuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang saya tidak dibenarkan untuk memilikinya atau ada dalam kawalan saya.

Tandatangan :

Saksi:

Nama :

Nama:

.....

.....

.....

.....

No. Kad Pengenalan :

Tarikh:

Jawatan :

.....

Kementerian/Jabatan :

AKTA RAHSIA RASMI
BAB 5

(1) Jika mana-mana orang yang ada dalam milikan atau kawalannya sebarang kata kod, kata pengenal atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau sebarang gambar foto, lukisan, pelan, model, makalah, nota, dokumen atau maklumat yang –

- (a) berkaitan dengan atau digunakan di suatu tempat larangan atau apa-apa jua di tempat itu;
- (b) berkaitan dengan kelengkapan perang;
- (c) telah dibuat atau diperolehi dengan melanggar Akta ini;
- (d) telah diamanahkan secara rahsia kepadanya oleh mana-mana orang yang memegang jawatan di bawah Kerajaan; atau
- (e) telah diperolehinya, atau yang dia mempunyai akses kepadanya, kerana kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan di bawah Kerajaan, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Negara Brunei Darussalam, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil bekerja dengan seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak tersebut,

melakukan mana-mana yang berikut –

- (i) menyampaikan secara langsung atau tidak langsung apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas kepada mana-mana kuasa asing selain daripada kuasa asing yang kepadanya dia telah diberi kuasa untuk menyampaikannya, atau kepada mana-mana orang selain daripada seseorang yang kepadanya dia diberi kuasa untuk menyampaikannya atau yang kepadanya dia berkewajipan untuk menyampai-kannya;
- (ii) menggunakan apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas untuk faedah mana-mana kuasa asing selain daripada kuasa asing yang untuk faedahnya dia diberi kuasa untuk menggunakannya, atau dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Negara Brunei Darussalam;
- (iii) menyimpan dalam milikan atau kawalannya apa-apa benda yang tersebut di atas meskipun dia tidak berhak untuk menyimpannya, atau meskipun bertentangan dengan kewajipannya untuk menyimpannya, atau tidak mematuhi semua arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sah berhubung dengan pengembalian atau pelupusannya;
- (iv) tidak menjaga dengan cara yang munasabah, atau ber-tingkah laku sehingga membahayakan keselamatan atau kerahsiaan, apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas; atau
- (v) menerima apa-apa maklumat atau benda tersebut, dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai pada masa dia menerimanya itu bahawa maklumat atau benda itu disampaikan kepadanya dengan melanggar Akta ini, melainkan jika dia membuktikan bahawa penerimaan maklumat atau benda itu olehnya adalah secara langsung atau tidak langsung tidak diminta olehnya:

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.